

# ***Car Boot Sale* Jana Kemahiran dan Pendapatan**

**oleh: Amran Abdul Rahim**

RABU, 26 MAC - Unit Pengurusan Pemasaran Sekolah Pengajian Dan Ekonomi (SPE) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan 'Car Boot Sale' yang berlangsung di perkarangan SPE.

"Pelaksanaan aktiviti 'Car Boot Sale' bertujuan untuk memberi pendedahkan kepada masyarakat mengenai pentingnya menjana kewangan," kata Amer Azlan, Pengurus Pelaksana 'Car Boot Sale' ketika ditemu bual.

Idea pelancaran 'Car Boot Sale' yang merupakan aktiviti julung kali wujud apabila pihak pengurusan sedar akan perlunya latihan kemahiran amali dalam kalangan penuntut, khususnya bagi penuntut bidang Pengurusan Pemasaran.

Aktiviti 'Car Boot Sale' yang terbuka kepada seluruh masyarakat menampilkan keunikan yang terletak pada kaedah penjualan iaitu kaunter perniagaan dibuka terus daripada bonet kereta peniaga dan urusan niaga boleh dilakukan secara tawar-menawar.

Antara barangan yang diniagakan adalah seperti peralatan dapur, aksesori kereta, pakaian, makanan dan minuman, disamping bunga-bunga.

Dipercayai kira-kira 50 buah gerai telah memeriahkan suasana 'Car Boot Sale'. Kepada yang berminat boleh berhubung terus dengan Encik Amer Azlan di Pejabat Pentadbiran SPE, UMS.